



**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN  
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

**KENYATAAN TAWARAN**

Tender ini adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dan mempunyai Sijil Akaun Pendaftaran Firma Perunding (SAPFP) berdaftar dengan Kementerian Kewangan yang masih sah dan berkuatkuasa. Sila sertakan salinan **SIJIL AKAUN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING (SAPFP)** tempoh sah lakunya masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** daripada tarikh tutup tender ini dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

**KETERANGAN TAWARAN :** PERKHIDMATAN PERUNDING BAGI KAJIAN PROJEK PEMBINAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI PERKAMPUNGAN KUKUP LAUT DAN AYER MASIN, TANJUNG PIAI, PONTIAN, JOHOR DARUL TAKZIM

**NO. RUJUKAN :** PETRA/JPP/KAJIANKUKUP/SCC/2025/TP01

**JENIS TAWARAN :** TENDER TERBUKA

**KOD BIDANG:**

Kod Bidang	Kategori	Pengkhususan	Diskripsi
330101	Kejuruteraan Awam	Kajian Fizikal	Kajian Projek Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Dan Rangkaian Paip Pembetungan Di Perkampungan Kukup Laut Dan Ayer Masin, Tanjung Piai, Pontian, Johor Darul Takzim

**TARIKH MULA TAWARAN :** 5 Ogos 2025

**TARIKH TUTUP TAWARAN :** 24 September 2025

**TEMPOH SAH LAKU :** 90 HARI

Lokasi	Negeri	Daerah
		JOHOR

Kehadiran pada taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai tender ini dan Dokumen Pelawaan boleh diperolehi dengan membawa sijil asal berserta dengan salinan pendua (tidak dikembalikan) semasa membeli Dokumen Pelawaan. Hanya penama di dalam SAPFP dari Kementerian Kewangan sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.

Perihal	Tarikh / Masa	Lokasi	Pegawai Penyelaras	Kehadiran Maksima
Taklimat dan Lawatan Tapak Tender Perkhidmatan Perunding Bagi Kajian Projek Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Dan Rangkaian Paip Pembetungan Di Perkampungan Kukup Laut Dan Ayer Masin, Tanjung Piai, Pontian, Johor Darul Takzim	19 Ogos 2025 (Selasa) 10.00 Pagi	<i>Terminal Bas dan Teksi Kukup</i>  <i>Kukup, 82300 Kukup, Johor</i>  <i>Latitude 1° 19' 33" N</i> <i>Longitude 103° 26' 39" E</i>	En. Raja Baharudin Bin Raja Mamat  Pn. Nor Azliana Binti Ariff	2

Dokumen Pelawaan boleh didapati dari tarikh **22 Ogos 2025 (Jumaat)** hingga **3 September 2025 (Rabu)** dari **jam 9.00 pagi** hingga **3.30 petang** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya. Sila buat **pembayaran secara perbankan atas talian menerusi sistem i-Payment**\* dengan membayar sebanyak **RM50.00**. Pembayaran hendaklah dibuat di kaunter jualan tender setelah semakan keratan slip kehadiran lawatan tapak disemak.

Dokumen pelawaan akan dikeluarkan kepada penama di dalam SAPFP dari Kementerian Kewangan atau wakil-wakil perunding yang sah sahaja. Dokumen Pelawaan yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender No.2** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 24 September 2025 (Rabu)**.

Satu (1) petender hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan. Sekiranya tender mempunyai tawaran alternatif, tender tersebut akan ditolak.

Dokumen Pelawaan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan penghantaran melalui perkhidmatan segera Pos Laju tidak digalakkan. Bukti penerimaan tidak boleh dijadikan sebagai alasan kesempurnaan penerimaan oleh Jabatan.

Pihak JPP tidak terikat untuk mengemukakan sebab-sebab tender tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan atau kerugian oleh petender berhubung dengan proses tender ini.

## **Perincian Taklimat**

### **1. PERTANYAAN / PENJELASAN LANJUT**

Semua pertanyaan tentang urusan Tender hendaklah dibuat sama ada secara bertulis, telefon atau faks sebelum tarikh tutup tender ke alamat seperti di bawah;

Alamat : Bahagian Perancangan Strategik  
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan  
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air  
Blok B, Aras 2 dan 3, Suasana PjH  
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2  
62100 Putrajaya, Malaysia

Telefon : 03-8861 9000  
Faks : 03-8861 9010

### **2. HARGA TAWARAN**

Harga yang ditawarkan mestilah dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan sebagai contoh: RM0.12/unit.

### **3. PEMBAYARAN**

Semua pembayaran dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Kaedah struktur pembayaran perkhidmatan perunding adalah tertakluk kepada Terma Rujukan di dalam Dokumen Pelawaan.

Catatan:

\* Bagi melancarkan proses pembelian / pembayaran, syarikat hendaklah membuat pendaftaran akaun pengguna terlebih dahulu sebelum pembayaran dibuat.